



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA


Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (22)
Tarikh : 25 Mei 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 20/2021 (16 Mei hingga 22 Mei 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 20/2021 dari 16 Mei hingga 22 Mei 2021)

Pada minggu ke-20, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 34 kes (8.0%), menjadikan jumlah kes 458 berbanding 424 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-20. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 10,597 kes berbanding 43,306 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 75.5% (32,709 kes), manakala kumulatif kematian kekal sebanyak lima (5) kematian berbanding 77 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 72 kematian (93.5%) **(Lampiran A & C)**. Pada minggu ke-20, sebanyak dua (2) lokaliti hotspot dilaporkan berbanding satu (1) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dan kesemuanya dari Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 38 kes pada minggu ke-20 dengan 18 kes dari WPKL & Putrajaya, lima (5) kes dari Johor, empat (4) kes dari Pulau Pinang, masing-masing tiga (3) kes dari Perak dan Selangor, dua (2) kes dari Kedah serta masing-masing satu (1) kes dari Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 530 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 596 sampel darah dan 19 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dikuatkuasakan baru-baru ini, sebahagian besar individu dan masyarakat akan meluangkan kebanyakan masa berada di kediaman masing-masing. Gunakanlah kesempatan ini untuk memeriksa kawasan di dalam dan di luar rumah bagi memastikan tiada tempat berpotensi pembiakan Aedes. Bekas alatan mandi dan penutup baldi di bilik air seringkali dijumpai jentik-jentik membiak. Penapis air minuman serta pelapik atau alas pinggan juga sering menjadi tempat Aedes membiak. Di bekas-bekas yang sukar dibersihkan seperti kolah air, bubuhlah bahan pembunuh jentik-jentik untuk mencegah jentik-jentik membiak. Gerakkanlah seluruh anggota keluarga untuk lakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


28 Mei 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 19 dan ke- 20 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 20 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-20 tahun 2021

Lampiran C

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 20/2021
(16 Mei hingga 22 Mei 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 20/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 20/2020	
		Minggu 20 (16 Mei – 22 Mei 2021)		Minggu 19 (9 Mei – 15 Mei 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	3	0	8	0	24	0
2	Kedah	11	0	9	0	162	0	371	0
3	P. Pinang	8	0	2	0	182	0	336	1
4	Perak	12	0	12	0	247	0	1,504	1
5	Selangor	257	0	246	0	6,006	1	25,388	27
6	WP KL & Putrajaya	44	0	47	0	1,157	1	3,979	4
7	N. Sembilan	17	0	8	0	272	1	1,074	3
8	Melaka	10	0	7	0	347	0	863	4
9	Johor	52	0	40	0	1,015	1	3,768	16
10	Pahang	8	0	5	0	226	1	1,115	4
11	Terengganu	0	0	0	0	17	0	128	0
12	Kelantan	2	0	4	0	98	0	1,562	4
13	Sarawak	9	0	10	0	191	0	966	2
14	Sabah	28	0	31	0	665	0	2,223	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	458	0	424	0	10,597	5	43,306	77

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 20/2021
(16 Mei hingga 22 Mei 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	25	55
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dagang 1-9A, Taman Dagang Jaya	5	33

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 20/2021 (23 Mei 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	3	59
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	15	
		Tangkak	35	
2.	Kedah	Baling	3	86
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	55	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	12
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	5	
4.	Melaka	Alor Gajah	2	18
		Melaka Tengah	16	
5.	Perak	Kinta	5	132
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	18	
		Manjung	93	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	17	28
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
7.	Selangor	Gombak	4	79
		Hulu Langat	22	
		Klang	50	
		Petaling	1	
		Sepang	2	
8.	WP Kuala Lumpur	Cheras	21	115
		Kepong	73	
		Lembah Pantai	3	
		Titivangsa	18	
JUMLAH KUMULATIF			530	

